



**TEKS UCAPAN**  
**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI**  
**MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

**PROGRAM**  
**SAMBUTAN HARI IBU PERINGKAT KEBANGSAAN**

**LOKASI / TARikh / MASA**  
**SABAH INTERNATIONAL CONVENTION CENTER, KOTA KINABALU**  
**11 MEI 2025 (AHAD)**  
**11.30 PAGI**

*Kemas kini 10 Mei 2025*

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,  
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

**(SALUTASI)**

**LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN**

1. **Alhamdulillah**, terlebih dahulu marilah kita memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya dapat kita berhimpun untuk meraikan **Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2025** pada hari ini.

2. Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada **Yang Amat Berbahagia Toh Puan Datin Seri Penglima Datuk Hajah Faridah binti haji Tussin** atas kesudian hadir dan merasmikan majlis ini. Kehadiran Toh Puan bukan sahaja memeriahkan suasana, tetapi turut menyuntik semangat buat kami di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga dan Negara (LPPKN) untuk terus memperkuatkan Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara.

3. Sambutan Hari Ibu diraikan setiap tahun untuk menghormati jasa, kasih dan kecekalan ibu-ibu yang tidak pernah mengenal erti penat dalam membesarkan anak-anak dan menyumbang kepada masyarakat serta negara.

## **Isu dan Cabaran Ibu Masa Kini**

4. Di sebalik pencapaian negara, masih ramai ibu yang menghadapi cabaran yang tidak kelihatan di mata kasar; terutamanya ibu muda yang berumur di bawah 34 tahun, yang merangkumi satu pertiga wanita Malaysia. Golongan ibu muda inilah yang berpotensi besar, tetapi masih memerlukan sokongan menyeluruh daripada semua pihak.

5. Laporan tinjauan sempena Hari Ibu tahun lalu jelas menunjukkan sembilan daripada sepuluh ibu mengakui bahawa menjadi ibu hari ini jauh lebih mencabar. Antara cabarannya termasuk **kos sara hidup yang tinggi, tekanan kerja dan keluarga, kekangan kewangan, kekurangan masa untuk diri sendiri dan beban tanggungjawab pendidikan anak-anak.**

6. Saya percaya ramai ibu yang hadir di sini juga melalui rutin yang sangat mencabar- bangun seawal pagi, bekerja tanpa henti, dan tidur lewat malam – semata-mata untuk memastikan keperluan keluarga sentiasa dipenuhi.

7. Tambahan pula, **kita sedang berhadapan dengan cabaran baharu dalam era digital ini.** Kajian Indeks Kesejahteraan Keluarga Malaysia (IKK) 2022 menunjukkan bahawa keluarga kita semakin celik digital, namun ini juga menuntut kita agar lebih berhati-hati dan berimbang, terutamanya dalam membimbing anak-anak tentang penggunaan teknologi.

## **Usaha Kerajaan Dalam Memperkasa Wanita**

8. Kerajaan MADANI sentiasa berusaha **untuk memperkasa wanita dan ibu di Malaysia.** Tahun ini, kita telah memperkenalkan **Dasar Wanita Negara 2025–2030** dengan tema “Memartabat Wanita, Memperkuuh Negara”. Dasar ini memberi tumpuan kepada pemerkasaan wanita merentas semua lapisan masyarakat.

9. Antara program utama yang sedang giat dilaksanakan termasuk:
- i. Program Kasih Ibu Tunggal (PROKIT)
  - ii. Inkubator Kemahiran Ibu Tunggal (IKIT)
  - iii. MamaCare dan Program Wanita Bangkit
  - iv. 2 Years Exit Programme, Gig@bit dan Volvo Iron Women

10. Kesemua program ini memberi ruang kepada wanita, khususnya ibu tunggal dan yang tidak bekerja untuk mendapatkan latihan dan peluang pekerjaan yang sesuai.
  
11. Dalam aspek kesihatan dan kesejahteraan pula, KPWKW melalui LPPKN turut menyediakan pelbagai program seperti pendidikan keibubapaan, khidmat kaunseling dan terapi minda serta saringan kesihatan wanita seperti HPV DNA dan subsidi mamogram.

## **Tema Hari Ibu 2025: “Sentuhan Kasih Ibu”**

12. Tema “**Sentuhan KASIH Ibu**” telah dipilih bagi Sambutan Hari Ibu Peringkat Kebangsaan 2025. Tema ini mengangkat peranan ibu sebagai asas keluarga penyayang—bukan hanya melalui belaian, tetapi juga pengorbanan dan kekuatan emosi yang membentuk akhlak anak-anak.

13. Tema ini turut menyokong **Agenda Nasional KASIH Keluarga Negara** dalam membina masyarakat **MADANI** yang berteraskan kasih sayang, akhlak dan kesejahteraan.
14. Hari ini, kita raikan ibu-ibu bukan sahaja dengan ucapan terima kasih, tetapi juga dengan pelbagai program seperti **Forum Inspire & Empower, Pakej Sayang Ibu, saringan kesihatan WCaRe** dan pameran agensi. Semuanya bertujuan untuk menghargai ibu, memperkuuh ikatan kekeluargaan dan menyebarkan ilmu yang bermanfaat kepada seluruh masyarakat.

## **Anugerah Ibu Inspirasi 2025**

15. Bagi mengiktiraf pengorbanan dan inspirasi para ibu, KPWKM dan LPPKN menganjurkan **Anugerah Ibu Inspirasi 2025**. Anugerah ini memberi penghormatan kepada ibu-ibu luar biasa yang berjaya membesarkan anak-anak, membina keluarga bahagia, dan dalam masa sama, cemerlang dalam kerjaya dan khidmat masyarakat.

16. Ini adalah simbol penghargaan negara kepada ibu-ibu yang menjadi nadi kepada pembentukan masyarakat yang progresif dan penyayang.
17. Akhir kata, marilah kita semua menghargai jasa dan kasih ibu kita, bukan hanya pada hari ini tetapi setiap hari. Kita mungkin tidak mampu membala segalanya, tetapi dengan penghormatan, kasih sayang dan sokongan yang konsisten, kita mampu membina keluarga dan masyarakat yang lebih kuat.

18. Saya doakan semua ibu terus diberi kekuatan, kesihatan dan kebahagiaan. Terima kasih atas segala pengorbanan dan kasih yang tidak ternilai.

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI  
Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat  
11 Mei 2025**